

<input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia
Tarikh: 26/1/2011
Hari: RABU W/S: 4
Ruangan: DAAM NEGERI

Lihat kenyataan secara positif - Zam

KUALA LUMPUR 25 Jan. - Bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew sebenarnya dilihat mencabar komuniti Islam khususnya Melayu Singapura supaya tidak memilih jalan yang akhirnya menyebabkan mereka terasing dan terpinggir dari arus perdana negara itu.

Gesa umat Islam Singapura 'tidak terlalu kuat berpegang pada ajaran Islam' - Kuan Yew cetus kontroversi

SINGAPURA (Utusan) - Bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew mengemukakan pandangan yang berbeza mengenai umat Islam Singapura yang berpegang pada ajaran Islam. Beliau berkata, umat Islam Singapura yang berpegang pada ajaran Islam secara ketat, mungkin akan menghadapi masalah dalam berinteraksi dengan masyarakat Melayu Singapura yang lebih moden dan dinamik.



Lee Kuan Yew berkata, umat Islam Singapura yang berpegang pada ajaran Islam secara ketat, mungkin akan menghadapi masalah dalam berinteraksi dengan masyarakat Melayu Singapura yang lebih moden dan dinamik. Beliau berkata, umat Islam Singapura yang berpegang pada ajaran Islam secara ketat, mungkin akan menghadapi masalah dalam berinteraksi dengan masyarakat Melayu Singapura yang lebih moden dan dinamik.

Bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Zainuddin Maidin (gambar) berkata, Singapura memerlukan penduduk Islam yang moden, berkualiti global, dinamik dan memahami Islam sebagai agama yang sesuai sepanjang zaman.

Justeru beliau yang juga Karyawan Tamu Institut Pemikiran Tun Mahathir Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata, orang Melayu dan Islam tidak seharusnya melenting dengan kenyataan bekas Perdana Menteri Singapura itu supaya mereka tidak terlalu berpegang kepada ajaran Islam.

"Pandangan yang terus terang dari Kuan Yew ini harus dilihat dari sudut positif terhadap keperluan kepada komuniti Melayu dan Islam yang progresif dan dinamik dalam masyarakat kosmopolitan dan kompetitif negara maju Singapura," katanya dalam kenyataan kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



Zainuddin mengulas kenyataan Kuan Yew menerusi buku Lee Kuan Yew: *Hard Truths to Keep Singapore Going* yang menggesa umat Islam di republik itu supaya tidak terlalu kuat berpegang kepada ajaran Islam bagi membantu proses integrasi.

Zainuddin menambah, kenyataan Kuan Yew itu merupakan permintaan beliau kepada orang Melayu Singapura supaya tidak menerima ajaran Islam secara membuta tuli.

Sebaliknya kata beliau, Kuan Yew mahu orang Melayu Singapura menolak ajaran yang bersifat jumud, karut dan terlalu keras dan tidak bersifat pengajaran serta tuntutan Islam sebenar.

Katanya lagi, sikap itu seperti ditegaskan Kuan Yew timbul selepas berlakunya kebangkitan Islam yang juga telah mempengaruhi sikap parti politik Islam dan setengah pelajar Islam di Malaysia.

Sehinggakan pada satu masa tambah beliau, keadaan itu menyukarkan mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat lain dan sesama Islam.

"Antaranya seperti tidak boleh berjabat tangan antara lelaki dan perempuan, doktor wanita tidak boleh memegang pesakit lelaki dan sebagainya.

"Malah, pada suatu masa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga menolak hiburan," kata beliau.

Zainuddin menambah, masyarakat Melayu Islam seperti itu juga wujud di Singapura hari ini dan mereka amat mudah

KERATAN Utusan Malaysia 24 Januari lalu.

menerima ajaran Islam yang bersifat tahyul.

Antaranya kata beliau, mereka yang percaya memakan kismis yang dijampi untuk penerang hati, membaca buku agama yang dogmatik, memakan ubat-ubatan dan memakai perubatan yang tidak saintifik.

Malah katanya, mereka juga mudah menerima pensyarah agama dari Malaysia dan Indonesia yang bersifat retorik dan dogmatik.

"Semua ini menampakkan sikap penyerahan diri, malas berusaha dan tidak sanggup bersaing yang amat merbahaya terutama kepada masyarakat Islam yang terpaksa hidup tanpa "perlindungan dan keistimewaan" dalam masyarakat moden Singapura yang mengutamakan pelajaran tinggi dan kualiti cemerlang dari anggota masyarakatnya," jelas beliau.

Katanya lagi, kesilapan Kuan Yew yang tidak pernah mempedulikan sensitiviti semua orang termasuk kaumnya sendiri ialah kerana berterus terang dan terus kepada maksudnya yang menimbulkan salam faham.

Ini juga tambah beliau, pernah disuarakan oleh pemimpin Islam Malaysia yang mendapat pendidikan Barat seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Keadaan itu tambah Zainuddin, menyebabkan mereka dimusuhi dan ditolak oleh golongan Islam yang jumud dan kolot di Malaysia, dikafirkan dan dianggap tidak Islamik, sesat, berkepal Barat dan pelbagai lagi.

"Oleh kerana proses kemajuan akhirnya sikap golongan jumud ini dilihat sebagai talam dua muka (dwi standard), hipokrisi dan sebagainya apabila mereka yang melarang orang perempuan bertanding dalam pilihan raya atau berjabat dengan bukan muhrim telah menjilat ludah sendiri kerana kepentingan duniawi," kata beliau.

Zainuddin turut menjelaskan, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang mempromosikan "Kesederhanaan Dalam Islam" mungkin dapat membantu rakan sejawatnya atau pemimpin-pemimpin muda Singapura menerusi mekanisme kerajaan bagi membentuk generasi Islam Singapura yang berfikiran terbuka dan mengutamakan pelajaran.

Ini ujar beliau, bagi membolehkan mereka memberikan sumbangan kepada integrasi dan pembangunan Singapura.